

LAPORAN AKTIVITI JANM PULAU PINANG BULAN JANUARI 2021


1. TAKLIMAT PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN ASET ALIH (ATAS TALIAN)

Unit Pengurusan Aset telah menganjurkan Taklimat Penyediaan Penyata Penyesuaian Aset Alih kepada PTJ yang terlibat pada 27 & 29 Januari 2021 di atas talian menggunakan aplikasi *Google Meet*.

Taklimat ini disertai oleh seramai lebih kurang 120 peserta. Penceramah dan penyelaras sepanjang kursus ini ialah Unit Pengurusan Aset.

Objektif taklimat ini adalah untuk memberi penjelasan dan menerangkan dengan lebih lanjut tentang penyediaan penyata penyesuaian aset alih kepada PTJ.

Gambar taklimat :



2. PERTANDINGAN REKA CIPTA TEMPAT SIMPANAN PAYUNG

Mesyuarat EKSA Bil 2/20 mencadangkan Jawatankuasa Promosi untuk menganjurkan PERTANDINGAN REKA CIPTA TEMPAT SIMPANAN PAYUNG sebagai salah satu aktiviti tahunan EKSA.

Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tarikh akhir menghantar penyertaan telah ditangguhkan sehingga/pada 23/12/2020. Hasil perbincangan bersama, Jawatankuasa Induk telah bersetuju untuk mengadakan sesi penilaian dan pemarkahan pada 12/01/2021. Dua orang juri telah dipilih bagi mengadili pertandingan tersebut. Puan Nor Azlina Binti Junid selaku juri jabatan manakala Encik Mohd Rizwan Bin Rozi daripada PSUK Pulau Pinang selaku juri jemputan.



PERSEMBAHAN CIPTAAN DAN HADIAH



JURI-JURI

3. TAKLIMAT MH GOV PORTAL DAN FIREFLY PENHUB

Malaysia Airlines telah menganjurkan Taklimat Malaysia Airlines dan Firefly Berkenaan Produk Baru di dalam Waran Udara pada 20 Januari 2021 di atas talian menggunakan aplikasi Google Meet dan Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang.

Taklimat ini disertai oleh seramai lebih kurang 30 orang peserta. Penceramah dan penyelaras sepanjang kursus ini ialah Pegawai Pemasaran Malaysia Airlines.

Objektif taklimat ini adalah untuk memberi penjelasan dan menerangkan dengan lebih lanjut tentang produk baru di dalam Waran Udara.



Peserta dari Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang



Peserta dari Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang dan Penceramah secara di atas talian